

Headline	FRIM kaji aspek undang-undang lindungi hak pengetahuan tradisi Orang Asli		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	14 May 2013	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	9	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	151 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 302
Frequency	Daily	PR Value	RM 906



FRIM kaji aspek undang-undang lindungi hak pengetahuan tradisi Orang Asli

KUCHING: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) kini sedang mengkaji asas undang-undang bagi melindungi hak kumpulan sub-etnik Orang Asli berhubung pengetahuan tradisi mereka.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Frim Dr Norini Haron berkata projek di bawah tajaan program pembangunan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu bertujuan memastikan penduduk peribumi itu tidak akan menjadi mangsa penjarahan hayati.

Bercakap kepada pemberita selepas mewakili Ketua Pengarah Frim Datuk Dr Abdul Latif Mohmod merasmikan Simposium Kebangsaan mengenai Pemuli-

haraan di sini, beliau berkata keramahan masyarakat Orang Asli, telah mendedahkan mereka terhadap rompakan 'pengetahuan' yang dimiliki.

"Malah, jika anda tidak bertanya kepada mereka (mengenai pengetahuan tradisi), mereka secara (sukarela) akan memberitahu anda. Ini keramahan mereka terhadap pelawat dan kerana keramahan ini (orang lain) (yang punyai motif tersembunyi) mungkin akan menyalahgunakan pengetahuan mereka," katanya.

Katanya, sejak 2007 Frim telah menjalankan kerja mendokumentasi pengetahuan Orang Asli berkaitan penggunaan tumbuh-tumbuhan perubatan yang setakat ini meliputi

11 daripada 18 kumpulan sub-etnik yang dikenal pasti.

Norini berkata institut itu menyoar untuk meneruskan kerja mendokumentasi dua lagi kumpu-

lan sub-etnik tahun ini dan dua lagi pada tahun depan.

Beliau berkata setakat ini, analisis makmal ke atas beberapa spesies yang dikumpul semasa proses dokumentasi itu, mendapati bahawa Orang Asli memiliki pelbagai potensi untuk dikomersilkan, terutamanya produk mengekalkan kesihatan umum.

Menurut beliau, FRIM juga merancang untuk menghasilkan produk spesis prototaip mulai tahun ini, sebelum mencari rakan kongsi untuk dikomersilkan. - Bernama